

**PM umum peruntukan RM60 juta untuk baiki rumah  
Utusan Online  
20 Julai, 2012  
Oleh HERMAN HAMID**

JERANTUT 20 Julai - Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan peruntukan sebanyak RM60 juta untuk membaiki 12,000 unit rumah tradisi di sekitar kawasan Felda di seluruh negara menerusi Skim Bantuan Kasih Felda.

Menurut Perdana Menteri, untuk fasa pertama dianggarkan seramai 4,000 orang akan mendapat manfaat daripada program ini melibatkan RM5,000 untuk setiap penerima. -  
UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20120720/dn\\_25/PM-umum-peruntukan-RM60-juta-untuk-baiki-rumah](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120720/dn_25/PM-umum-peruntukan-RM60-juta-untuk-baiki-rumah)